

Company Name : NexG Berhad
Date : 25 June 2026
Source : Berita Harian

NexG Cadang Tukar Nama Kepada Datasonic

KUALA LUMPUR: Penyedia penyelesaian teknologi maklumat dan komunikasi, NexG Bhd bercadang untuk menukar nama syarikat itu kepada Datasonic Group Bhd.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, syarikat itu memaklumkan cadangan pertukaran nama itu telah diluluskan dan ditempah oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 8 Mei 2026.

Menurutnya, tempahan cadangan nama itu sah untuk tempoh 30 hari bermula 8 Mei 2026 dan telah dilanjutkan sehingga 4 November 2026.

"Cadangan pertukaran nama itu tertakluk kepada kelulusan pemegang saham syarikat pada mesyuarat agung tahunan ke-18, dan satu pekeliling yang mengandungi butiran mengenai cadangan pertukaran nama akan diedarkan kepada pemegang saham apabila tiba masanya.

"Sekiranya diluluskan oleh pemegang saham, nama itu akan berkuat kuasa bermula tarikh pengeluaran notis pendaftaran nama baharu oleh SSM kepada syarikat," menurutnya.